

13 SEP 1999

Mahathir-Anwar

PM DAKWA ANWAR DALANG RUSUHAN DAN DEMONSTRASI

KUALA SELANGOR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendakwa bahawa bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan dalang tunjuk perasaan yang cekap yang suka menggunakan tunjuk perasaan dan rusuhan untuk menonjolkan diri bagi kepentingan peribadi.

Katanya Anwar pandai menggunakan penuntut dan orang ramai untuk tujuan politiknya dan ia terbukti apabila beliau menjadi dalang dalam demonstrasi kalangan penuntut universiti di Kuala Lumpur pada tahun 1974, ketika beliau (Dr Mahathir) menjadi Menteri Pelajaran, yang berpunca daripada berita kononnya seorang budak mati kebuluran di Baling Kedah.

"Walaupun cerita itu tidak benar tetapi penuntut universiti tetap mengadakan tunjuk perasaan...., jelas Anwar adalah dalang tunjuk perasaan yang cekap menggunakan tunjuk perasaan dan demonstrasi untuk menunjukkan kewibawaannya," katanya semasa berucap pada majlis perasmian Kompleks Sukan di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan terpaksa masukannya ke dalam penjara dan negara aman selama hampir 25 tahun kerana Anwar kemudiannya berada dalam kerajaan dan menurut Perdana Menteri jika beliau (Anwar) masih berada dalam kerajaan, rusuhan atau tunjuk perasaan tidak akan berlaku.

"Bila berada di luar kerajaan dia jadi dalang rusuhan dan menuduh BN tidak adil, sedangkan selama dia jadi menteri dalam kerajaan tidak pernah dia berkata kerajaan tidak adil," kata beliau.

Perdana Menteri berkata apabila beberapa orang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1987, Anwar juga tidak protes, tapi hari ini apabila beliau dihadapkan ke mahkamah, dia menuduh kerajaan ini tidak adil.

Katanya Anwar juga telah merancang dengan teliti isu beliau diracun supaya ia ditimbulkan ketika mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) sedang berlangsung di New Zealand dan semasa kira-kira 1,500 peguam dari negara-negara Komanwel sedang mengadakan persidangan undang-undang di Malaysia.

Katanya pendedahan itu tepat pada masanya bagi membangkitkan kemarahan penyokong supaya mereka merusuh serta membenci kerajaan dan penyokongnya kini berusaha menunjukkan kepada orang-orang luar betapa buruknya negara ini.

"Untuk timbul kemarahan, maka didakwa kononnya kerajaan cuba meracun pemimpin mereka Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Dr Mahathir berkata ini bukan merupakan kali pertama mereka menuduh kerajaan kerana sebelum ini mereka juga telah menuduh bahawa kerajaan akan menyuntik Anwar dengan virus AIDS.

"Barisan Nasional bukannya dari jenis yang meracun musuhnya, kita tidak takut kepada mereka," katanya.

Beliau seterusnya berkata sekiranya Barisan Nasional ingin menunjukkan kebolehan merusuh, dengan mengambil jumlah kehadiran ke stadium pada malam ini sahaja sudah memadai.

"Tetapi kita tidak lakukan itu kerana kita pentingkan keamanan...., bukan main sombongnya sebilangan kecil mereka memukul seorang pegawai polis dengan harapan mereka tidak dikenali," katanya.

Beliau seterusnya mencabar kumpulan yang dianggapnya sebagai bacul itu supaya menyerah diri dan menghadapi tindakan undang-undang sekiranya mereka benar-benar berani.

"Kita ucap syabas kepada polis walaupun mereka diumpun, diejek, mereka masih jalankan tugas tanpa gunakan kekerasan, bukan tidak boleh tapi mereka pilih untuk jalankan tugas dengan halus dan aman," katanya.

Kira-kira 25,000 penonton yang hadir pada majlis itu kemudiannya dihiburkan oleh penyanyi Ziana Zain dan kumpulan Senario.

-- BERNAMA

AZH KM RHM